



# PERATURAN & TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN

جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LG  
173  
M44  
P48  
2007  
ra



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

<http://www.utem.edu.my>

**PERATURAN DAN TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN  
UTeM (Pindaan 2007)**

---

<b>BHG</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
I : .	PERMULAAN	2
II : .	PERATURAN AM	3 - 5
III : .	TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN	6 - 9
IV : .	PERATURAN DI DEWAN MAKAN	10 - 11
V : .	PERATURAN KESELAMATAN	11
VI : .	PERATURAN PAKAIAN	12
VII : .	PERATURAN TATATERTIB ASRAMA	13
VIII : .	PERATURAN KECEMASAN	14
IX : .	DENDAAN	15 - 22

---

جامعة ملaka تكنولوجيا ماليزيا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **BAHAGIAN I**

### **PERMULAAN**

1. Buku ini dinamakan Peraturan & Tatatertib Kolej Kediaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka (pindaan 2007).
2. ‘Kolej’ ertinya kawasan yang mengandungi apa-apa perumahan, baik apa pun dinamakan, yang disediakan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka, untuk kediaman pelajar.
3. ‘Pelajar’ ertinya seseorang pelajar berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, secara sah.
4. ‘Penghuni’ ertinya seorang pelajar berdaftar yang menghuni di dalam sesebuah Kolej Kediaman secara sah.
5. ‘Dekan (HEPA)’ ertinya Ketua Pegawai Tertinggi di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang dilantik oleh Naib Canselor.
6. Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM diterajui oleh Penolong Pendaftar dan Penolong Pengurus Asrama yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran asrama.
7. ‘Pengetua’ ertinya pegawai yang dilantik oleh Dekan HEPA, bertanggungjawab ke atas segala pentadbiran, aktiviti dan kebajikan penghuni Kolej Kediaman dan dibantu oleh Felo yang dilantik. Pengetua bertanggungjawab menguatkuasakan Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman.
8. ‘Dewan Makan’ ertinya mana-mana ruang/tempat dalam kawasan Kolej Kediaman yang digunakan/dijadikan tempat makan.



0000042326

Peraturan & Tata tertib Kolej Kediaman / Universiti Teknikal  
Malaysia Melaka (UTeM).

## 1. Syarat mendiami Kolej Kediaman.

- 1.1 Semua pelajar baru Tahun Pertama Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, Melaka adalah diwajibkan menginap di Kolej Kediaman.
- 1.2 Semua ahli MPP diberi keutamaan menginap di Kolej Kediaman, manakala empat orang pemegang jawatan utama MPP di mestikan mendiami Kolej Kediaman.
- 1.3 Pelajar tahun akhir diberi keutamaan menginap di Kolej Kediaman jika masih terdapat kekosongan tempat.
- 1.4 Pelajar di tahun pengajian selain daripada dalam para 1.1 hingga 1.3 boleh dipertimbangkan untuk mendiami Kolej Kediaman sekiranya terdapat kekosongan. Namun demikian pelajar yang aktif dalam persatuan akan diberi keutamaan.

## 2. Penempatan Pelajar

- 2.1 Penentuan bilik, blok dan kolej bagi seseorang pelajar adalah ditentukan oleh Unit Kolej Kediaman.
- 2.2 Setelah diperuntukkan sesebuah bilik, penghuni tidak boleh berpindah ke bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Pengurusan Kolej Kediaman.
- 2.3 Unit Kolej Kediaman boleh mengarahkan seseorang penghuni mengosongkan bilik/blok atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa.
- 2.4 Jika seseorang penghuni dikehendaki berpindah dan/atau mengeluarkan semua barang kepunyaannya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang diberi.

3. Setiap penghuni adalah bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan dan memastikan bahawa kemudahan tersebut berada dalam keadaan baik sehingga tamat tempoh kediamannya.
  4. Seseorang penghuni hendaklah menggunakan premis Kolej Kediaman dengan cermat dan sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau kelengkapan di dalamnya.
  5. Dalam menggunakan premis Kolej Kediaman dan kemudahan di dalamnya, seseorang penghuni hendaklah memastikan supaya ia tidak menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.
  6. Penghuni hendaklah berjimat cermat menggunakan air dan elektrik.
  7. Penghuni bertanggungjawab mengemasaskan bilik masing-masing dan menentukan segala kelengkapan serta pakaian tersusun rapi. Pakaian tidak boleh disangkutkan di tingkap.
  8. Setiap penghuni dikehendaki membayar ganti rugi ke atas apa-apa harta Universiti yang hilang, musnah atau rosak yang ia bertanggungjawab yang berpunca dari kecuaian penghuni sendiri. Sebagai tambahan, tindakan tatatertib juga boleh dikenakan.
  9. Penghuni adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri dan harta bendanya.
  10. Stor simpanan barang-barang adalah kawasan larangan bagi penghuni dan tidak dibenarkan memasukinya kecuali dengan kebenaran Pengetua/bagi pihak Pengetua.
- ## 11. Peraturan Semasa Cuti
- 11.1 Semasa cuti semester kedua, penghuni dikehendaki mengeluarkan semua harta benda persendirian dari biliknya dan menyerahkan kunci ke Pejabat Kolej Kediaman.
  - 11.2 Universiti tidak bertanggungjawab atas sebarang harta benda persendirian yang ditinggalkan semasa cuti.

- 11.3 Pelajar yang ingin menyewa dalam masa cuti akhir semester, boleh membuat permohonan di Pejabat Kolej Kediaman selewat-lewatnya seminggu sebelum dari tarikh bermula cuti. Hanya permohonan yang mendapat sokongan fakulti dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sahaja yang akan ditimbangkan.
- 11.4 Pihak Unit Kolej Kediaman berhak menetapkan blok/bilik sewaan.

## 12. Pelawat

- 12.1 Waktu melawat adalah seperti mana yang ditetapkan oleh Pengetua Kolej Kediaman iaitu :-

Hari Isnin hingga Sabtu :	4.00 ptg hingga 9.00 mlm
Hari Ahad dan Cuti Am :	9.00 pagi hingga 9.00 mlm
- 12.2 Semua pelawat mestilah memakai pas pelawat yang dikeluarkan oleh Pejabat Keselamatan UTeM.
- 12.3 Pelawat dan tetamu boleh dilayan di ruang tamu Kolej Kediaman.
- 12.4 Blok siswi adalah kawasan larangan kepada mana-mana pelawat/siswa kecuali kawasan ruang tamu yang disediakan.
- 12.5 Blok siswa adalah kawasan larangan kepada siswi.
- 12.6 Makanan tidak halal di sisi agama Islam tidak boleh dibawa sama sekali ke dalam Kolej Kediaman.

Seseorang penghuni yang didapati melanggar arahan ini adalah bersalah dan boleh dikenakan tindakan.

11. Pelajar adalah sama sekali dilarang membawa makanan tidak halal di sisi agama Islam ke dalam Kolej Kediaman.
12. Tiada seseorang penghuni boleh ada dalam miliknya atau bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.
13. ‘Ragging’ dalam segala bentuk apapun adalah dilarang sama sekali. Permainan yang membahayakan seperti membaling ‘waterbomb’, mercun dan bunga api dan sebagainya adalah juga dilarang dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
14. Segala jenis penampalan seperti gambar, poster, nota-nota kuliah dan sebagainya di dalam atau di luar bangunan dan juga kawasan Kolej adalah dilarang sama sekali kecuali di Papan Kenyataan yang telah dikhaskan oleh Kolej Kediaman.

Perbuatan menconteng atau melukis pada sebarang harta benda Universiti termasuk dinding, tembok, pintu dan lain-lain adalah dilarang sama sekali.

Pihak Universiti berhak melakukan pemeriksaan bilik pelajar dan harta benda Universiti pada bila-bila masa.
15. Penghuni dikehendaki mematuhi peraturan rambut seperimana yang terkandung dalam peraturan berpakaian pelajar UTeM.
16. Kenderaan pelajar hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan untuk pelajar. Semua kenderaan yang memasuki kawasan Kolej Kediaman hendaklah mematuhi peraturan lalulintas seperti yang terdapat dalam Akta Universiti. Hanya kenderaan yang telah didaftarkan dengan Pejabat Unit Keselamatan dan menampalkan stiker sahaja dibenarkan diletak di tempat letak kenderaan.
17. Penghuni adalah dilarang mengeluarkan apa-apa perintah ataupun arahan kepada mana-mana staf yang bertugas di Kolej Kediaman.
18. Penghuni dilarang berbahasa kesat dan kasar atau lucah.

19. Penghuni mestilah sentiasa berkelakuan baik, berada sopan, bertanggungjawab dan memelihara maruah dan tata tertib sesuai dengan taraf pelajar Universiti.
20. Penghuni dikehendaki berpakaian kemas dan sopan semasa berada di Ruang Rehat dan di luar blok seperti yang terkandung di dalam Peraturan Pakaian di bahagian VI.
21. Penghuni dilarang menggunakan kasut semasa memasuki mana-mana bilik kediaman di Kolej Kediaman.
22. Kasut hendaklah disimpan dan disusun kemas di dalam bilik penghuni. Menyimpan/ menyusun kasut di luar bilik penghuni hanya dibenarkan di rak kasut yang disediakan.
23. Penghuni yang didapati menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kolej Universiti seperti telefon awam dan sebagainya akan dikenakan tindakan tata tertib.
24. Pelajar adalah dilarang merokok dalam bangunan Kolej Kediaman dan mana-mana kawasan larangan merokok.
25. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan kenderaan bermotor selepas jam 12.00 tengah malam.
26. Hanya peralatan elektrik yang dibenarkan sahaja boleh dibawa dan hendaklah didaftarkan ke Pejabat Kolej Kediaman.

Barangan yang dibenarkan dibawa ke Kolej Kediaman ialah :

A. Barangan tanpa bayaran :

- Komputer
- Lap Top
- Printer
- Scanner
- Pengering Rambut
- Lampu Belajar
- Kipas Duduk
- Pengecas Handphone
- Cerek

- Seterika
- B. Barang dengan bayaran RM5.00 :
- Radio
  - TV ( tidak melebihi 21')
  - Pengecas Bateri
  - Pembakar Roti
  - Rice Cooker (biasa)
27. Pelajar/Penghuni tidak boleh terlibat dalam sebarang perniagaan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pengetua/bagi pihak Pengetua Kolej Kediaman.
28. Pihak Universiti dari masa ke semasa memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib dalam Kolej Kediaman dan perintah, suruhan atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau jenis pelajar atau seseorang pelajar dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang diberi perintah, suruhan atau arahan itu mematuhi dan melaksanakannya.
29. Tindakan tatatertib sepertimana terkandung di dalam Akta Universiti Dan Kolej Universiti, 1971 akan dikenakan kepada semua penghuni yang melanggar peraturan Kolej Kediaman.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

#### BAHAGIAN IV

#### PERATURAN DI DEWAN MAKAN / KAFETARIA

1. Semua makanan dan minuman yang tidak halal di sisi agama Islam tidak dibenarkan dibawa masuk ke Kolej Kediaman / Dewan Makan / Kafetaria.
2. Penghuni mestilah berpakaian kemas dan sopan serta hendaklah sentiasa dalam keadaan tertib semasa berada di Kafetaria untuk mengambil atau menikmati hidangan makanan.

3. Penghuni tidak dibenarkan memakai baju tanpa berlengan dan berseluar pendek semasa berada di Dewan Makan / Kafetaria.
4. Peralatan Dewan Makan / Kafetaria tidak boleh dibawa keluar dari Dewan Makan / Kafetaria.

## BAHAGIAN V

### PERATURAN KESELAMATAN

1. Penghuni adalah dikehendaki memastikan pintu dan tingkap bilik masing-masing sentiasa berkunci apabila meninggalkan bilik.
2. Penghuni-penghuni tidak dibenarkan memasak.
3. Pembakaran mercun, bunga api dan sampah sarap adalah dilarang sama sekali.
4. Penggunaan ‘heater bergelung’ (immersion) adalah dilarang.
5. Penghuni mestilah sentiasa berwaspada bagi mengelakkan berlaku sebarang kebakaran.
6. Penghuni tidak dibenarkan merosak, menyusup atau memanjat pagar.
7. Penghuni-penghuni hendaklah mematuhi peraturan mencegah kebakaran dan mana-mana peraturan yang dikeluarkan mengenainya.
8. Kenderaan/motosikal dan basikal yang disimpan di tempat-tempat yang disediakan hendaklah sentiasa dikunci dengan selamat.

## **BAHAGIAN VI**

### **PERATURAN PAKAIAN**

1. Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian purdah (menutup muka).
2. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar ketat atau bertampal dan tidak kemas/ tidak sopan.
3. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar pendek di luar bilik/blok Kolej Kediaman.
4. Pelajar tidak dibenarkan memakai baju tidak berlengan di luar bilik/blok Kolej Kediaman.
5. Pelajar dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan berkelakuan sopan semasa berada di dalam dan luar kampus sebagai menjaga nama baik pelajar, keluarga dan Universiti.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **BAHAGIAN VII**

### **Peraturan Tatatertib Asrama (Cabutan dari Akta Universiti dan Kolej Universiti)**

1. Tiada seorang pun boleh memasuki atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh seseorang pelajar. Perenggan ini tidak terpakai bagi seorang Pegawai, pekerja dan agen Universiti yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh Pengetua atau bagi pihak pengetua.
2. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab seseorang pelajar menetap mempastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dipatuhi bagi bilik yang diduduki olehnya. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang dan menahan seseorang pegawai, pekerja atau ejen Universiti daripada memasuki bilik pelajar, menetap dan menjalankan tugas-tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.
3. Seseorang pelajar yang tinggal di sesuatu Kolej Kediaman adalah tertakluk kepada budibicara dan kuasa mutlak Universiti.
4. Universiti boleh jika menghendaki seseorang pelajar menetap, mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

## BAHAGIAN VIII

### PERATURAN KECEMASAN

1. Peraturan Kebakaran
  - 1.1 Sekiranya berlaku kebakaran, penghuni yang mula-mula sekali melihatnya hendaklah memberitahu Pengetua atau Felo atau Pejabat Kolej Kediaman atau Pihak Keselamatan yang berdekatan dengan segera.
  - 1.2 Alat penggera kebakaran perlu di bunyikan.
  - 1.3 Penghuni Kolej Kediaman perlu keluar daripada bilik masing-masing dan berkumpul di tempat yang selamat.
2. Peraturan Bantuan Kecemasan
  - 2.1 Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan dan pada masa itu tiada perkhidmatan Felo, hubungi mana-mana ahli Jawatankuasa atau Ketua Blok atau Pegawai Keselamatan.
  - 2.2 Pengetua dan Felo bertanggungjawab menghantar penghuni berkenaan mendapatkan perkhidmatan ke hospital/klinik yang berdekatan.
  - 2.3 Pengetua Kolej Kediaman boleh mengeluarkan surat pengesahan bagi urusan kemasukan ke wad hospital berdekatan.

Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**DATUK PROFESOR ISMAIL B. HASSAN**  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**DENDAAN KESALAHAN PELAJAR  
DI KOLEJ KEDIAMAN UTeM**

BIL	KESALAHAN	TINDAKAN/DENDAAN	
		Kali Pertama	Kali Kedua
1	Merokok (memiliki/menghisap/menjual)	Amaran & Rampas	Rampas, Amaran, Denda RM50
2	Berjudi (dengan pertaruhan)	Amaran & Denda RM100	Amaran & Denda RM200
3	Memiliki/meminum/mengedar minuman keras	Amaran & Denda RM100	Amaran & Denda RM200
4	Memiliki segala jenis dadah yang merbahaya	Buang asrama	-
5	Hidu gam/mengambil ubat batuk berlebihan	Amaran & Denda RM50	Amaran & Denda RM100
6	Memiliki bahan lucuh (cetak/elektronik)	Amaran & Rampas	Rampas & Denda RM100
7	Bergaduh (bersenjata/tanpa senjata/sesama pelajar/staf)	Buang asrama	-
8	Mencuri harta benda kolej/rakan pelajar/awam	Amaran, Gantirugi & Denda RM50	Amaran Gantirugi & Denda RM100
9	Merosak harta benda penghuni kolej/bukan penghuni kolej	Amaran, Gantirugi & Denda RM50	Amaran, Gantirugi & Denda RM50

10	Menceroboh tempat larangan/terhad	Amaran	Amaran & Denda RM50
11	Menipu/pemalsuan dokumen/ kenyataan	Amaran	Amaran & Denda RM50
12	Meniru tandatangan mana-mana pegawai	Amaran & Denda RM50	Amaran & Denda RM100
13	Berkelakuan kurang sopan/biadap	Amaran	Amaran & Denda RM50
14	Meletak kenderaan di tempat larangan	Amaran	Amaran & Denda RM10 x (hari)
15	Beri kad pelajar kepada orang lain	Amaran	Amaran & Denda RM50
16	Guna kad pelajar orang lain	Amaran	Amaran & Denda RM50
17	Memiliki kad pelajar lebih dari satu	Amaran	Amaran & Denda RM100
18	Memasak di dalam asrama	Amaran, Rampas & Denda RM50	Amaran, Rampas & Denda RM100

19	Membuat bising dan mengganggu ketenteraman awam	Amaran	Amaran & Denda RM50
20	Memiliki peralatan elektrik yang tidak dibenarkan	Rampas & denda RM30	Rampas & denda RM50
21	Tidak mendaftar alatan elektrik yang dibenarkan	Rampas, Daftar & Denda RM10	Rampas, Daftar & Denda RM20
22	Memiliki atau bermain mercun/bunga api	Amaran Rampas & Denda RM50	Amaran Rampas & Denda RM100
23	Pendawaian haram	Amaran & Denda RM50	Amaran & Denda RM100
24	Berada diluar kawasan asrama selepas jam 12 tengah malam tanpa kebenaran	Amaran	Amaran & Denda RM20
25	Penyiaran haram (cetak/elektronik)	Amaran	Amaran & Denda RM100
26	Pelajar luar berada di kawasan asrama selepas jam 12 tengah malam	Amaran	Amaran & Denda RM20
27	Menghalang/menahan staf daripada menjalankan tugas	Amaran	Amaran & Denda RM50

28	Memelihara haiwan dalam kawasan asrama	Amaran	Amaran & Denda RM20
29	Melakukan perbuatan yang membahayakan diri	Amaran	Amaran & Denda RM20
30	Memiliki peralatan membahayakan/senjata	Amaran, Rampas & Denda RM25	Amaran, Rampas & Denda RM50
31	Mengadakan aktiviti sosial dalam blok tanpa kebenaran	Amaran	Amaran & Denda RM20
32	Mendera pelajar lain	Gantung Asrama	Buang Asrama
33	Tidak menutup air/elektrik	Amaran & Denda RM10	Amaran & Denda RM20
34	Menggunakan elemen pemanas (immersion heater)	Amaran & Rampas	Amaran, Rampas & Denda RM20
35	Menyalahgunakan alat pemadam api	Amaran & Denda RM100	Amaran & Denda RM150
36	Tidak pulang kunci dalam tempoh yang ditetapkan	Amaran & Denda RM5 x (hari)	-

37	Memiliki kunci ‘duplicate’/bilik lain tanpa sebab munasabah	Amaran, Rampas & Denda RM10	Rampas & Denda RM20
38	Menghilangkan kunci setiap satu unit	Denda RM5	Denda RM10
39	Memasang selak pintu/mangga	Denda RM5	Denda RM10
40	Membawa peralatan kemudahan awam gunasama ke dalam bilik	Amaran	Amaran & Denda RM30
41	Mengubah kedudukan perabot bilik	Amaran	Amaran & Denda RM20
42	Memindahkan perabot ke bilik/tempat lain	Amaran	Amaran & Denda RM20
43	Tidak menggunakan cadar/ sarung bantal	Amaran	Amaran & Denda RM5
44	Berpegangan tangan (berlainan jantina)	Amaran	Amaran & Denda RM50
45	Berduaan tanpa pakaian	Buang Asrama & Rujuk Tindakan Tatatertib Universiti	
46	Berpakaian tidak sopan	Amaran	Amaran & Denda RM50


47	Meraba/bercumbu/bercium	Amaran & Denda RM100	Amaran & Denda RM200
48	Homoseksual/lesbian	Buang Asrama & Rujuk Tindakan Tatatertib Universiti	
49	Bersekedudukan	Buang Asrama & Rujuk Tindakan Tatatertib Universiti	
50	Mengandung tanpa nikah	Buang Asrama & Rujuk Tindakan Tatatertib Universiti	
51	Berdua-duan di tempat yang mencurigakan/sunyi	Amaran & Denda RM100	Amaran & Denda RM200
52	Gangguan seksual	Amaran	Amaran & Denda RM100
53	Persetubuhan haram	Buang Asrama & Rujuk Tindakan Tatatertib Universiti	
54	Lain-lain perlakuan sumbang	Amaran	Amaran & Denda RM50
55	Berpindah bilik tanpa kebenaran	Amaran	Amaran & Denda RM10
56	Membenarkan setinggan di dalam bilik	Amaran	Amaran & Denda RM20
57	Membawa rakan berlainan jantina ke dalam bilik	Amaran & Denda RM100	Amaran & Denda RM200

58	Tidur di tempat yang tidak dibenarkan	Amaran	Amaran & Denda RM10
59	Tinggal di asrama tanpa mendaftar	Amaran	Amaran & Denda RM20
60	Lantai bilik tidur kotor	Amaran & Denda RM10	Amaran & Denda RM20
61	Katil tidak kemas (termasuk cadar & sarung bantal)	Amaran & Denda RMS	Amaran & Denda RM10
62	Lantai ruang tamu kotor	Amaran & Denda RM15	Amaran & Denda RM30
63	Kasut tidak disusun di rak kasut	Amaran & Denda RMS	Amaran & Denda RM10
64	Sampah tidak dibuang	Amaran & Denda RMS	Amaran & Denda RM10
65	Mangkuk tandas tersumbat/kotor	Amaran & Denda RM5	Amaran & Denda RM10
66	Menyidai pakaian di tempat yang dilarang	Amaran, Rampas & Denda RM5	Amaran, Rampas & Denda RM10
67	Menampal poster tanpa kebenaran	Amaran	Amaran & Denda RM10

**NOTA:**

- Denda yang disenaraikan adalah pada kadar minimum
- Bagi setengah-setangah kes boleh dibawa terus ke dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar UTeM tanpa menunggu amaran.
- Mana-mana kesalahan lain yang melanggar AUKU 1971 turut akan dikenakan tindakan sewajarnya.
- Segala barang rampasan hendaklah dituntut pada setiap hujung semester setelah denda dijelaskan.
- Barang rampasan yang tidak dituntut dalam setahun selepas rampasan akan dilupuskan.





**Perpustakaan**  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hubungi:  
Phone: 06-3316822 | Fax: 06-3316811  
<http://library.utm.edu.my>

**PERPUSTAKAAN**  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
**0000042326**  
**06 FEB 2008**



جامعة ملاكا التقنية  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni**  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**